

# **Hukum Perkongsian (Syarikat) Antara Muslim dan Non-Muslim**

**Shamsiah Mohamad**

## **Abstract**

*This article analyses the Islamic scholars' view towards business partnership between a muslim and a non-muslim. Certain fuqaha' legitimatize such partnership, while other prohibit it. At the end, the writer gives her conclusion.*

## **Pendahuluan**

Perkongsian (syarikat) merupakan salah satu mekanisme perniagaan yang dibenarkan oleh Islam. Lantaran itu, setiap muslim boleh berkongsi dengan rakan muslimnya yang lain apabila segala syarat-syarat perkongsian telah dipenuhi. Bagaimana pula dengan perkongsian di antara muslim dan bukan muslim? Apakah ia dibenarkan oleh Islam atau sebaliknya?

Persoalan mengenai hukum perkongsian di antara muslim dan bukan muslim ini telah dibincang oleh para fuqaha' terdahulu. Walau bagaimanapun, mereka tidak sependapat dalam persoalan ini. Dalam artikel ini penulis akan membincang dan menganalisis pendapat-pendapat mereka dan seterusnya mengemukakan pendapat yang lebih *rājih* menurut pandangan penulis berdasarkan kriteria-kriteria tertentu. Sebelum itu, penulis akan memperkatakan secara ringkas mengenai kategori bukan muslim serta pengertian syarikat dan jenis-jenisnya.

## Kategori Orang Kafir

Orang kafir ialah seseorang yang menganut selain daripada agama Islam. Walaupun pada asasnya mereka adalah sama dari sudut keingkaran terhadap Islam tetapi para 'ulama Islam telah membahagikan mereka kepada lima kategori seperti berikut<sup>1</sup>:-

### a) *al-Dhimmi* atau *Ahl al-Dhimmah*

*Ahl al-Dhimmah* ialah mana-mana bukan muslim yang telah melakukan 'aqd *al-dhimmah* dengan kerajaan Islam yang mana dengan itu dia mempunyai hak perlindungan di negara Islam tersebut dan hak untuk menetap di situ selama-lamanya setelah dia membayar *jizyah*<sup>2</sup> dan beriltizam dengan hukum-hukum Allah.<sup>3</sup>

Menurut Abū Zahrah, golongan *ahl al-dhimmah* ini mempunyai hak dan tanggungjawab yang sama seperti orang Islam melainkan dalam beberapa perkara yang dikecualikan ke atas mereka.<sup>4</sup>

Para fuqaha' sependapat bahawa 'aqd *al-dhimmah* harus dilakukan dengan ahli kitab (Yahudi dan Nasrani) dan Majusi.<sup>5</sup> Berdasarkan ijma' 'ulama, 'aqd *al-dhimmah* tidak harus dilakukan dengan golongan murtad.<sup>6</sup> Merujuk kepada golongan musyrikin (penyembah berhala) pula, para fuqaha' berselisih pendapat. Sebahagian daripada mereka tidak mengharuskan 'aqd *al-dhimmah* dilakukan dengan golongan ini tanpa mengira sama ada mereka ini orang Arab atau bukan Arab.<sup>7</sup> Manakala sebahagian yang lain mengharuskannya jika mereka itu orang bukan orang Arab.<sup>8</sup>

### b) *al-Musta'min*

Menurut Ibn 'Abidin, *al-Musta'min* ialah seseorang yang masuk ke negara lain dengan aman tidak kira sama ada dia seorang muslim atau kafir.<sup>9</sup> Walau bagaimanapun, istilah ini biasanya diguna bagi merujuk kepada bukan muslim yang masuk ke negara Islam dengan aman. Ini dapat difahami daripada takrif yang diutarakan oleh Ibn Qayyim iaitu seseorang yang masuk ke negara Islam tanpa tinggal tetap di dalamnya.<sup>10</sup> Pengertian yang diberi oleh Abū Zahrah pula ialah seorang yang masuk ke negara Islam tanpa berniat untuk menetap di dalamnya, bahkan ia hanya tinggal di dalamnya untuk tempoh tertentu berdasarkan 'aqd *al-aman* atau kebenaran untuk tinggal di dalamnya (untuk tempoh tertentu), atas tujuan perniagaan, pelancongan atau lawatan.<sup>11</sup>

### c) *al-Muwādi'*

Perkataan *al-muwādi'* adalah pecahan daripada perkataan *al-Muwāda'ah* yang membawa maksud perdamaian yang dilakukan oleh golongan *kāfir ḥarbi* untuk tujuan genjatan senjata bagi tempoh tertentu, sama ada dengan membayar jumlah tertentu atau sebaliknya.<sup>12</sup> Jadi, *al-muwādi'* ialah orang kafir yang membuat perdamaian

dengan orang Islam untuk tujuan senjata sama ada dengan bayaran atau tanpa bayaran.

**d) *al-Muḥāyid***

*Al-Muḥāyid* ialah golongan yang mengambil jalan tengah iaitu tidak berpihak kepada mana-mana pihak sama ada orang Islam atau kafir yang mana hubungan mereka dengan kedua-dua belah pihak adalah baik.<sup>13</sup>

**e) *al-Ḥarbi***

*Al-Ḥarbi* ialah orang kafir yang bergabung dengan negara kafir yang tidak mempunyai apa-apa perjanjian damai dengan orang-orang Islam.<sup>14</sup> Oleh itu, mana-mana orang kafir yang berkerjasama dengan negara kafir yang tidak mempunyai apa-apa perjanjian damai dengan negara Islam adalah disifatkan sebagai *kāfir ḥarbi*.

### **Syarikat: Definisi dan Kategorinya**

Dari segi bahasa, syarikat bermaksud percampuran (*ikhtilāṭ*)<sup>15</sup> Al-Jurjānī mengertikannya sebagai percampuran antara dua bahagian atau lebih dalam keadaan tidak dapat dibezakan antara satu sama lain.<sup>16</sup> Perkataan ini juga digunakan bagi merujuk kepada '*aqd*' syarikat itu sendiri. Dari segi istilah, syarikat bermakna perkongsian antara dua orang atau lebih dalam mengendalikan sesuatu perniagaan, yang mana modal dan untung dikongsi bersama.<sup>17</sup>

Dalam fiqh Islam, secara amnya syarikat boleh dibahagikan kepada dua kategori iaitu syarikat *al-milk* dan syarikat *al-'aqd*. Syarikat *al-milk* ialah perkongsian antara dua orang atau lebih dalam memiliki sesuatu tanpa melalui proses kontrak seperti perkongsian dalam memiliki harta pusaka.<sup>18</sup> Manakala syarikat *al-'aqd* ialah perkongsian antara dua orang atau lebih yang terhasil melalui proses kontrak.

Syarikat *al-'aqd* ini terbahagi kepada lima jenis iaitu syarikat *al-'inān*,<sup>19</sup> syarikat *al-mufāwadah*,<sup>20</sup> syarikat *al-wujūh*,<sup>21</sup> syarikat *al-abdān*<sup>22</sup> dan *al-muḍārabah*.<sup>23</sup> Para fuqaha' sepakat bahawa syarikat *al-'inān* dan *al-muḍārabah* diharuskan dalam Islam. Walau bagaimanapun, mereka tidak sependapat dari segi keharusan syarikat *al-mufāwadah*, *al-wujūh* dan *al-abdān*. Fuqaha' Ḥanafī dan Ḥanbalī mengharuskan syarikat *al-mufāwadah*, *al-wujūh* dan *al-abdān*. Fuqaha' Mālīkī pula hanya tidak mengharuskan syarikat *al-wujūh*. Manakala fuqaha' Shafī'ī pula tidak mengharuskan ketiga-tiga jenis syarikat tersebut.<sup>24</sup>

### **Hukum Perkongsian Antara Muslim dan Kafir**

Dalam masalah perkongsian antara muslim dan kafir, para fuqaha' tidak sepakat dari segi hukumnya. Dalam masalah ini, ada tiga pendapat:

**Pendapat pertama:** Perkongsian tersebut diharuskan. Pendapat ini dikemukakan oleh Abū Yūsuf dari kalangan fuqaha' Ḥanafī.<sup>25</sup> Ia juga pendapat fuqaha' Mālīkī,<sup>26</sup> Ḥanbalī<sup>27</sup> dan Zahirī.<sup>28</sup>

Perlu disebutkan di sini bahawa, fuqaha' Mālīkī dan Ḥanbalī tidaklah mengharuskan perkongsian tersebut secara mutlak. Ini kerana fuqaha' Mālīkī hanya mengharuskan perkongsian tersebut apabila setiap urusan jual beli yang dilakukan oleh rakan kongsi kafir dihadiri sama oleh rakan kongsi muslim kerana kehadirannya dapat menjamin tidak berlakunya muamalah secara riba.<sup>29</sup> Fuqaha' Ḥanbalī pula hanya membenarkan perkongsian tersebut dilakukan sekiranya orang kafir yang dijadikan rakan kongsi itu ialah *ahl al-kitāb* (Yahudi dan Nasrani) dan urusan jual beli dikendalikan oleh muslim. Sebaliknya perkongsian antara muslim dengan *Wathanī* (penyembah berhala) dan *Majūsi* (penyembah api) adalah makruh, walaupun urusan jual beli dikendalikan oleh muslim. Ini kerana mereka ini menghalalkan apa yang diharamkan oleh *ahl al-kitāb*.<sup>30</sup>

Pendapat golongan pertama ini adalah didasarkan kepada dalil-dalil berikut:

- a) Hadith yang diriwayatkan oleh 'Ā'ishah bahawa Rasulullah s. 'a.w. pernah membeli makanan daripada Yahudi secara hutang dan menggadaikan baju besinya kepada Yahudi tersebut.<sup>31</sup>

Hadith ini menjelaskan bahawa Rasulullah telah makan makanan yang dibeli daripada Yahudi. Telah dimaklumi bahawa Rasulullah tidak makan kecuali yang baik sahaja. Ini bermakna, tidak ada halangan bagi orang Islam untuk bermuamalah dengan orang kafir. Lagipun Rasulullah pernah berkongsi harga, tanaman dan kuda dengan penduduk Khaybar (Yahudi).<sup>32</sup>

- b) Hadith yang diriwayatkan daripada 'Āta' bahawa Rasulullah s. 'a.w. melarang berkongsi dengan Yahudi dan Nasrani melainkan jika jual beli diuruskan oleh muslim.<sup>33</sup>

Hadith ini jelas menunjukkan bahawa perkongsian hanya dilarang jika jual beli tidak diuruskan oleh muslim. Jika sebaliknya, perkongsian tersebut diharuskan.

- c) Ilyās bin Mu'āwiyah berkata; tidak mengapa orang Islam berkongsi dengan *dhimmi* sekiranya dirham (wang) yang dijadikan modal datangnya daripada muslim dan urusan perniagaan di bawah pengurusannya.<sup>34</sup>
- d) Tidak ada ayat al-Qur'an dan hadith Rasulullah s. 'a.w. yang melarang perkongsian antara muslim dan kafir.<sup>35</sup>
- e) Dalam '*aqd al-sharikāt*, setiap pihak yang terlibat (*al-'āqidān*) merupakan wakil kepada yang lain. Dalam masalah *al-wakālah*, tidak disyaratkan kedua-

duanya muslim. Oleh itu, perkongsian antara muslim dan kafir adalah harus.<sup>36</sup>

**Pendapat kedua:** Perkongsian antara muslim dan kafir adalah makruh. Pendapat ini dikemukakan oleh fuqaha' Shāfi'ī.<sup>37</sup>

Pendapat golongan kedua ini adalah didasarkan kepada dalil-dalil berikut:

- a) Abū Jamrah meriwayatkan Ibn 'Abbās berkata: "*Jangan kamu berkongsi dengan Yahudi dan Nasrani dan Majusi. Aku berkata: Kenapa? Ibn 'Abbās menjawab: Kerana mereka makan riba dan riba tidak halal.*"<sup>38</sup>

Kata-kata Ibn 'Abbās ini menunjukkan bahawa perkongsian antara muslim dan kafir adalah makruh dan bukannya haram. Ini kerana beliau menyatakan 'illah hukum dalam masalah tersebut ialah "*kerana mereka makan riba dan riba tidak halal*". Pernyataan Ibn 'Abbās ini mengandungi suruhan supaya setiap muslim agar berhati-hati dengan orang kafir apabila hendak berkongsi dengan mereka. Sekiranya semua urusan perniagaan dikendalikan oleh muslim, perkongsian tersebut dibolehkan tetapi makruh. Oleh itu larangan di atas hanya bersifat makruh sahaja dan bukannya haram.

- b) Biasanya terdapat syubhat pada harta orang-orang kafir kerana agama mereka tidak melarang mereka daripada berurusan secara riba dan membeli sesuatu yang diharamkan dalam Islam seperti arak. Oleh itu, setiap muslim perlu berhati-hati agar tidak terjebak dalam perkara syubhat.

**Pendapat ketiga:** Perkongsian antara muslim dan kafir adalah haram. Ini merupakan pendapat Abū Ḥanīfah dan Muḥammad al-Shaybānī.<sup>39</sup>

Mereka berpendapat sedemikian kerana tidak ada persamaan di antara muslim dan kafir dari sudut hak *taṣarruf*. Ini disebabkan orang kafir *dhimmi* boleh menggunakan modal syarikat untuk membeli arak, sedangkan muslim diharamkan berbuat begitu kerana arak diharamkan kepada muslim.

## **Kesimpulan**

Daripada pembentangan pendapat-pendapat para fuqaha' mengenai persoalan perkongsian antara muslim dan kafir serta hujah-hujah yang mereka kemukakan, penulis *mentarjihkan* pendapat yang mengatakan perkongsian antara muslim dan kafir adalah harus. Ini kerana, Rasulullah sendiri pernah berkongsi dengan penduduk Khaybar. Lagipun, alasan pendapat kedua bahawa terdapatnya syubhat pada harta orang kafir masih boleh dipertikaikan. Ini kerana bila kita merujuk kepada hadith yang diriwayatkan oleh 'Ā'ishah tentang gadaian yang dilakukan oleh Rasulullah s. 'a.w., jelas menunjukkan bahawa Rasulullah telah membeli makanan daripada orang Yahudi.

Sekiranya makanan itu terdapat syubhat padanya, tentu sekali Rasulullah tidak akan membeli makanan daripada Yahudi tersebut kerana baginda tidak makan selain yang baik sahaja. Ini bermakna, larangan perkongsian antara muslim dan kafir atas alasan terdapat syubhat pada harta mereka berlawanan dengan kandungan hadith 'A'ishah tersebut.

Selain daripada itu, apa yang diutarakan oleh Ibn 'Abbās tentang makruhnya perkongsian antara muslim dan kafir kerana orang kafir berurusan secara riba, tidaklah boleh dijadikan hujah untuk melarang perkongsian berkenaan secara mutlak. Ini kerana perkongsian itu dilarang atas alasan orang kafir bermuamalat secara riba. Tetapi, perkara ini dapat dielakkan sekiranya urusan jual beli dilakukan oleh orang Islam atau dengan kehadirannya. Justeru itu, apa yang dibimbangi itu tidak wujud lagi. Apabila sebab yang menjadikan sesuatu itu dilarang tidak ada, maka hukumnya bertukar menjadi harus. Tambahan pula, asal sesuatu itu adalah harus selagi mana tidak ada dalil yang mengharamkannya.<sup>40</sup> Dalam masalah perkongsian antara muslim dan kafir ini, tidak ada nas yang jelas yang melarang perkongsian tersebut. Oleh itu, perkongsian tersebut adalah harus.

Perlu kita sedari bahawa Islam tidak pernah melarang umatnya untuk bermuamalah dengan orang kafir. Ini kerana, melalui proses ini, umat Islam berpeluang menyampaikan seruan Islam kepada orang kafir sama ada secara langsung atau tidak langsung.

Dalam masalah *mu'āmalah māliyah* orang kafir *dhimmi* dalam negara Islam, terdapat kaedah umum mengenainya iaitu mereka samalah seperti orang Islam dalam aspek tersebut kecuali dalam beberapa perkara yang dikecualikan daripada mereka.<sup>41</sup> Kaedah ini telah diakui oleh fuqaha' Hanafi<sup>42</sup> sendiri ketika mana mereka menyifatkan kafir *dhimmi* sebagai penduduk negara Islam dan mereka ini beriltizam dengan hukum-hukum Islam yang berkaitan dengan muamalah, dan kedudukan *musta'min* sama seperti *al-dhimmi* dalam masalah muamalah. Kaedah ini juga diterima oleh fuqaha' Shāfi'i dan Hanbali. Ini dapat dilihat apabila fuqaha' Shāfi'i tidak mensyaratkan Islam ke atas penjual,<sup>43</sup> dan fuqaha' Hanbali pula tidak mensyaratkan Islam sama ada ke atas penjual atau pembeli.<sup>44</sup> Berdasarkan kepada kaedah umum ini juga, dapat disimpulkan bahawa perkongsian antara muslim dan kafir diharuskan.

Walau bagaimanapun, keharusan perkongsian tersebut tidaklah boleh diberi secara mutlak. Justeru itu, syarat-syarat berikut perlu dipenuhi bagi menjamin perkongsian tersebut benar-benar menepati ajaran Islam:

- a) Perkongsian tersebut mestilah mendatangkan masalah kepada Islam. Kerana itu, perkongsian dengan orang kafir adalah dilarang sekiranya perkongsian tersebut dapat menambahkan lagi kekuatan negara kafir untuk

memerangi Islam seperti perkongsian membuat senjata dan lain-lain bentuk perniagaan yang menguatkan ekonomi musuh.

Perkara tersebut mesti dielakkan kerana Allah melarang umat Islam daripada tolong menolong dalam perkara kejahatan.<sup>45</sup> Tidak dinafikan bahawa perkongsian yang membawa keuntungan kepada pihak musuh merupakan salah satu bentuk tolong-menolong dalam perkara kejahatan.

b) Setiap urusan perniagaan dalam perkongsian tersebut mesti dikendalikan oleh orang Islam atau dengan kehadirannya jika orang kafir yang mengendalikan jual beli tersebut. Perkara ini perlu diambil berat agar keuntungan yang diperolehi daripada perkongsian tersebut bersih daripada perkara syubhah.

c) Hukum harusnya perkongsian ini hendaklah hanya diterima pakai sekiranya orang kafir yang hendak dijadikan rakan kongsi tidak terdiri daripada mereka yang mengancam dan memerangi Islam dan umatnya. Sebarang perkongsian dengan orang kafir yang jelas memerangi Islam seperti Yahudi pada hari ini dan yang seumpamanya adalah dilarang sama sekali.

Wallahua'lam

## Nota Hujung

1. Al-Fatāni, *Ikhtilāf al-Dārayn wa Atharuh fī 'Aḥkām al-Munākahāt wa al-Mu'āmalāt*, Kaheerah: Dār al-Salām, 1990, h. 110.
2. Bayaran tertentu yang diwajibkan ke atas *ahl-Dhimmah* sebagai balasan kepada perlindungan yang diberi oleh negara Islam. Lihat al-Maydānī, *al-Lubāb*, Kaheerah: Matba'ah Subayh, jil. 4, h. 43.
3. Ibn Qudāmah, *al-Mughnī*, Beirut: Dār al-Fikr, 1992, jil. 8, h. 508; al-Bāhūtī, *Kashshāf al-Qinā'*, Beirut: Dār al-Fikr, jil. 3, h. 4; Zaydān, Dr. 'Abd al-Kārim, *Aḥkām al-Dhimmiyyīn wa al-Musta'manīn*, Baghdād: Jāmi'ah Baghdād, 1987, h. 22.
4. Abū Zahrah, *al-'Alāqāt al-Dauliyyah*, Beirut: Dār al-Fikr al-'Arabī, h. 61.
5. Ibn Qudāmah, *op.cit.*, h. 496-497; al-Bāhūtī, *op.cit.*, jil. 3, h. 108-109; Ibn al-Hummām, *Fath al-Qadīr*, Beirut: Dar Fikr, jil. 4, h. 173; al-Sharbīnī al-Khatīb, *Mughnī al-Muḥtāj*, Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1994, jil. 4, h. 44; Ibn Ḥazm, *al-Muḥallā*, Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, jil. 7, h. 245.

6. Ibn Qudāmah, *op.cit.*, h. 123; al-Sarakhsī, *al-Mabsūt*, Beirut: Dār al-Ma'rifat, 1989, jil. 10, h. 77; al-Kāsānī, *Badā'i' al-Ṣanā'i'*, Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, jil. 7, h. 111; al-Shawkānī, *Nayl al-Awṭār*, Beirut: Dār al-Kutub, jil.8, h. 58.
7. Ibn Hajar al-'Asqalānī, *Fath al-Bārī Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, Beirut: Dār al-Fikr, 1994, jil. 6, h. 259; al-Sharbīnī, *op.cit.*, h. 244; *al-Mughnī*, *op.cit.*, h. 500-501; *al-Muḥallā*, *op.cit.*
8. al-Kāsānī, *op.cit.*; Ibn al-Ḥummān, *op.cit.*; al-Jaṣṣāṣ, *Aḥkām al-Qur'ān*, Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1994, jil. 3, h. 91-93.
9. Ibn 'Ābidīn, *Hāshiah Radd al-Muḥtār*, Beirut: Dār al-Fikr, jil. 4, h. 166.
10. Ibn Qayyim al-Jawziyyah, *Aḥkām Ahl al-Dhimmah*, Beirut: Dār al-'Ilm li al-Malāyīn, 1961, jil. 2, h. 476.
11. Abū Zahrah, *supra* n. 4., h. 78.
12. al-Kāsānī, *supra* n. 8., h. 108.
13. al-Fatānī, *supra* n. 1, h. 137.
14. *Ibid*, h. 141.
15. Ibn Manzūr, *Lisān al-'Arab*, Beirut: Dār al-Fikr, 1990, lihat perkataan (*kha-la-ta*).
16. al-Jurjani, *al-Ta'rifāt*, Dār al-Rushd, h. 143.
17. Ibn 'Ābidīn, *op.cit.*, jil. 6, h. 466; al-Dardīr, *al-Sharḥ al-Kabīr*, Dār al-Fikr, jil. 3, h. 148; al-Sharbīnī, *al-Khaṭīb*, *op.cit.*, jil. 3, h. 211; Ibn Qudāmah, *op.cit.*, jil. 5, h. 2.
18. Al-Sarakhsī, *op.cit.*, jil. 11, h. 101; al-Samarqandī, *Tuḥfah al-Fuqahā'*, Damsyik: Jāmi'ah Dimasyq, jil. 3, h. 3; al-Kāsānī, *op.cit.*, jil. 6, h. 56.
19. Syarikat *al-'Inān* ialah perkongsian antara dua orang atau lebih yang mana kedua-dua perlu mengemukakan modal masing-masing (walaupun hanya sebahagian) sama ketika *'aqad* dilakukan atau ketika perniagaan dijalankan dan setiap orang dengan mereka merupakan wakil kepada rakan kongsi yang lain dalam mengendalikan urusan perniagaan. Lihat al-Sarakhsī, *op.cit.*, jil. 11, h. 152.
20. Syarikat *al-Mufāwadhah* ialah perkongsian antara dua orang yang mempunyai persamaan dari sudut hak mengurus (*al-taṣarruf*), agama dan harta yang sah untuk dijadikan modal syarikat. Lihat al-Muṣīlī, *al-Ikhtiyar Li Ta'ālil al-Mukhtār*, Beirut: Dār al-Ma'rifat, jil. 3, h. 2.
21. Syarikat *al-Wujūh* ialah perkongsian antara dua orang yang mana kedua-duanya tidak memiliki apa-apa modal, tetapi mereka mengadakan *'aqd* syarikat untuk berjual beli secara hutang dan keuntungan dikongsi bersama. Lihat al-Kāsānī, *op.cit.*, jil. 6, h. 5; al-Zayla'ī, *Tabyīn al-Haqā'iq*, Kaherah: al-Matba'ah al-Amīriyyah, 1313H, jil. 3, h. 322.



22. Syarikat *al-Abdān* ialah perkongsian dua orang atau lebih dengan menjadikan kerja mereka sebagai modal dan upah yang diperolehi dikongsi bersama, seperti perkongsian di antara tukang jahit dengan pencelup kain. Lihat *al-Sharbīnī, op.cit.*, jil. 3, h. 222; *Ibn Qudāmah, op.cit.*, jil. 5, h. 111.
23. *Al-Muḍārabah* ialah perkongsian antara dua orang atau lebih yang mana satu pihak menyediakan modal dan pihak yang lain menggunakannya untuk tujuan perniagaan dengan persetujuan bahawa keuntungan yang diperolehi dikongsi bersama. Lihat *Ibn Juzay, al-Qawānīn al-Fiqhiyyah*, Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, h. 309; *al-Zayla‘ī, op.cit.*, jil. 5, h. 57.
24. ‘Alī Khafīf, *al-Sharikat fī al-Fiqh al-Islāmī*, Kaherah: Dār al-Nahḍah al-‘Arabiyyah, 1978, h. 20.
25. *Al-Kāsānī, op.cit.*, jil. 6, h. 61; *al-Muṣīlī, op.cit.*, h. 13; *al-‘Aynī, al-Bināyah Fī Sharḥ al-Hidāyah*, Beirut: Dār al-Fikr, jil. 6, h. 432; *al-Zayla‘ī, op.cit.*, jil. 6, h. 313-314.
26. *Al-Ḥaṭṭāb, Mawāhib al-Jalīl*, Beirut: Dār al-Fikr, 1978, jil. 7, h. 66-67; *al-Imām Mālik, al-Mudawwanah al-Kubrā*, Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1944, jil. 3, h. 617.
27. *Ibn Qayyim al-Jawziyyah, op.cit.*, jil. 1, h. 270 ff; *al-Bahūti, op.cit.*, jil. 3, h. 496.
28. *Ibn Ḥazm, op.cit.*, jil. 6, h. 416.
29. *Al-Ḥaṭṭāb, op.cit.*; *al-Imām Mālik, op.cit.*
30. *Ibn Qayyim al-Jawziyyah, op.cit.*; *al-Bahūti, op.cit.*
31. *Ibn Ḥajar, op.cit.*, jil. 5, h. 440.
32. *Ibn Ḥajar, op.cit.*, h. 342-343.
33. *Ibn Abī Shaybah, al-Muṣannaf Fī al-Aḥādīth Wa al-Athar*, Beirut: Dār al-Fikr, 1989, jil. 5, h. 6.
34. *Ibn Ḥazm, op.cit.*
35. *Ibid*
36. *Al-Kāsānī, op.cit.*, j. 6, h. 81.
37. *Al-Shīrāzī, al-Muhadhdhab* (dicetak bersama *al-Majmū‘*), Jeddah: Maktabah al-Irshād, jil. 14, h. 3; *al-Nawawī, al-Majmu‘*, Jeddah: Maktabat al-Irshād, jil. 14, h. 7; *al-Sharbīnī, op.cit.*, j. 3, h. 224; *al-Ramlī, Nihāyah al-Muḥtāj*, Beirut: Dār al-Fikr, 1984, jil., 6; *al-Qaffāl, Hulyah al-Ulamā‘*, ‘Ammān: Maktabat al-Risālah, 1988, jil. 5, h. 92.
38. *al-Bayḥaqī, Sunan Kubrā*, Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1994, jil. 5, h. 547.
39. Lihat: *al-Muṣīlī, op.cit.*, jil.3, h. 13; *al-Kāsānī, op.cit.*, jil. 6, h. 61.

40. al-Suyūṭī, *al-Ashbāh wa al-Nazā'ir*, Kaherah: al-Ḥalabī, 1959, h. 60.
41. Para fuqaha' berselisih pendapat mengenai perkara-perkara yang dikecualikan daripada kafir *dhimmi*. Untuk keterangan lanjut lihat: Zaydān, *op.cit.*, h. 551 dan seterusnya.
42. al-Sarakhsī, *op.cit.*, jil. 10, h. 84; al-Kāsānī, *op.cit.*, jil. 6, h. 81.
43. Al-Nawawī, *Rawḍah al-Tālibīn*, Beirut: al-Maktab al-Islāmī, 1985, jil. 2, h. 344.
44. al-Bahūti, *op.cit.*, jil. 3, h. 151.
45. Lihat firman Allah dalam Surah al-Mā'idah, ayat 2, yang bermaksud: "*Hendaklah kamu tolong menolong dalam perkara kebaikan dan janganlah kamu tolong menolong dalam perkara kejahatan.*"